

TEKANAN (STRESS) DAN BURNOUT
DI KALANGAN PENSYARAH POLITEKNIK

SUPIAN BIN JOLEN
(MT 001279)

HF
5548.85
.S96
2001
ra

OLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00121086 7

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS KAJIAN KES*JUDUL: TEKANAN (STRESS) DAN BURNOUT DI KALANGAN PENSYARAH POLITEKNIKSESI PENGAJIAN: 2001/2002Saya SUPIAN BIN JOLEN (MT 001279)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan seminar kajian kes * Sarjana Muda/Sarjana/Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Hak milik Seminar Kajian kes adalah di bawah nama penulis melainkan penulisan sebagai projek bersama dan dibiayai oleh KUiTTTHO, hakmiliknya adalah kepunyaan KUiTHHO.
2. Naskah salinan di dalam bentuk kertas atau mikro boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada penulis.
3. Perpustakaan KUiTTTHO dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
4. Seminar kajian kes hanya boleh diterbitkan dengan kebenaran penulis. Bayaran royalti adalah mengikut kadar yang dipersetujui kelak.
5. * Saya membenarkan/ tidak membenarkan Perpustakaan membuat salinan seminar kajian kes ini sebagai bahan pertukaran diantara institusi pengajian tinggi.
6. ** Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : 13/156, Kg. Sessang,
95300 Roban, Sri Aman, Sarawak.


Nama Penyelia : EN. KAMARUDIN
BIN KHALID

Tarikh: 28 SEPTEMBER 2001Tarikh: 28 SEPTEMBER 2001

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.
** Jika kajian kes ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh kajian kes ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal”

Tandatangan : 

Nama Penyelia : EN. KAMARUDIN BIN KHALID

Tarikh : 28. September 2001

TEKANAN (*STRESS*) DAN *BURNOUT*
DI KALANGAN PENSYARAH POLITEKNIK

SUPIAN BIN JOLEN
(MT 001279)


Kajian Kes ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

SEPTEMBER 2001

PENGAKUAN PENULIS

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : SUPIAN BIN JOLEN (MT 001279)

Tarikh : 28/9/2001

DEDIKASI

Buat ibu dan ayah tersayang ...

Terima kasih di atas doa, pengorbanan dan kasih sayang

Temannya dan rakan seperjuangan....

Pensyarah yang dihormati.....

Bimbingan, teguran dan budi baik saya sanjung tinggi

SEMOGA ALLAH MEMBALAS BAKTI YANG TELAH

KALIAN CURAHKAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah kajian kes ini disiapkan dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En. Kamarudin Bin Khalid selaku pembimbing serta Puan Anizam selaku penilai yang sudi memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta nasihat sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih ditujukan kepada semua responden, rakan-rakan seperjuangan, ibu bapa dan keluarga, serta semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyumbangkan idea, bantuan dan galakan bagi menjayakan kajian kes ini.

Penulis berharap, semoga kajian kes yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. InsyaAllah.

ABSTRAK

Kajian kes ini adalah bertujuan untuk meninjau tahap tekanan (*stress*) dan *burnout* yang dialami oleh pensyarah-pensyarah politeknik. Sampel kajian yang digunakan adalah seramai 50 orang pensyarah di 2 buah politeknik di Malaysia iaitu Politeknik Johor Bharu dan Politeknik Shah Alam yang bertugas di lima jabatan di politeknik tersebut. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan kemudiannya dianalisis menggunakan SPSS (*Statistical Package For Social Sciences*). Data yang terhasil dipaparkan dalam bentuk statistik yang mengandungi nilai min, median, mod, sisihan lazim dan peratus. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap burnout di kalangan pensyarah politeknik adalah sederhana atau normal. Tahap tekanan pula berada pada tahap positif di mana kebanyakan responden masih menunjukkan minat yang positif untuk mengajar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tekanan dan burnout di kalangan pensyarah berdasarkan jabatan dan lokasi politeknik. Akhir sekali beberapa cadangan telah dikemukakan.

ABSTRACT

The purpose of this case study is to determine the level of stress and burnout among polytechnic lecturers. The sample for this case study includes 50 academic staffs currently teaching in 2 polytechnics (Shah Alam Polytechnic and Johor Bharu Polytechnic) within five different departments. Questionnaires are used as the research instruments. Data collected from these instruments is then analyzed using SPSS (*Statistical Package For The Social Sciences*). The results are shown in form of means, median, modes, standard deviation and percentages. The results indicate the fact that the level of burnout of polytechnic lecturers are normal or still under control. Besides that, the level of stress among polytechnic lecturers is preceived to be satisfactory since the majority of respondents still express healthy level of motivation to work. Based on the research findings there are no significant differences among stress and burnout between lecturers according to their department and location of polytechnic. A few suggestions are made in order to remedy the problem.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN PENYELIA	
	PENGAKUAN PENULIS	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	2
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Soalan Kajian	4
	1.4 Objektif/Tujuan Penyelidikan	5
	1.5 Hipotesis Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Skop Kajian	6
	1.8 Definisi Istilah	7

BAB II SOROTAN PENULISAN

2.0	Pengenalan	9
2.1	Kepuasan Kerja	9
2.2	Latar Belakang Tekanan	13
2.3	Latar Belakang <i>Burnout</i>	15
2.4	Teori Tentang Stress	16
2.5	Implikasi/Kesan Tekanan (<i>stress</i>) dan <i>Burnout</i> - Moral Guru	18
2.6	Strategi Untuk Mengawal Dan Mengatasi Tekanan (<i>stress</i>) Dan <i>Burnout</i>	19

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	23
3.1	Rekabentuk Kajian	23
3.2	Responden Dan Sumber Data	24
3.3	Instrumen Kajian	25
	3.3.1 Pembinaan Soal Selidik	25
3.4	Kaedah Analisis Data	31
3.5	Batasan Kajian	33
3.6	Andaian Kajian	34

BAB IV ANALISIS DATA

4.0	Pengenalan	35
4.1	Pengumpulan Sampel Dan Responden	35
4.2	Dimensi Kajian	37
4.2.1	Dimensi Persediaan Mengajar	38
4.2.2	Dimensi Kepuasan Kerja	39
4.2.3	Dimensi Simptom Kesakitan	41
4.2.4	Dimensi Kawalan Lokus	42
4.2.5	Dimensi Penghargaan Kendiri	44
4.2.6	Dimensi Isu Di Kenali	45
4.2.7	Dimensi Isu Berhubung Kurikulum	46
4.2.8	Dimensi Isu Berhubung Kelas	48
4.2.9	Dimensi Soasial	50
4.2.10	Dimensi Berkaitan Motivasi Para Pelajar	51
4.3	Hubungan Tekanan Dan <i>Burnout</i> Dengan Jantina, Jabatan dan Lokasi Politeknik	52

BAB V RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	54
5.1	Ringkasan Kajian	55
5.2	Rumusan	55
5.2.1	Punca-punca Tekanan Di Kalangan Pensyarah	56

5.2.2	Tekanan Di Kalangan Pensyarah Politeknik	57
5.2.3	<i>Burnout</i> Di Kalangan Pensyarah Politeknik	58
5.2.4	Aspek-aspek Yang Mengecewakan	59
5.2.5	Kaitan Tekanan Dengan Jantina, Jabatan Dan Lokasi Politeknik	60
5.3	Kesimpulan	60
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	62
	BIBLIOGRAFI	64
	LAMPIRAN	69

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Dimensi kajian dan item-item soalan	30
4.1	Bilangan responden mengikut jabatan	37
4.2	Dimensi-dimensi tekanan di kalangan pensyarah	37
4.3	Statistik dimensi persediaan mengajar	38
4.4	Statistik dimensi kepuasan kerja	40
4.5	Statistik dimensi simptom kesakitan	41
4.6	Statistik dimensi kawalan lokus	42
4.7	Statistik dimensi penghargaan sendiri	44
4.8	Statistik dimensi isu dikenali	45
4.9	Statistik dimensi isu berhubung kurikulum	47
4.10	Statistik dimensi isu berhubung kelas	48
4.11	Statistik dimensi isu sosial	50
4.12	Statistik dimensi berkaitan motivasi pelajar	51
4.13	Ujian t-test	53
5.1	Faktor-faktor yang boleh menyumbang tekanan	57

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.0	Hierarki keperluan Maslow	11
2.1	Tiga peringkat dalam sindrom adaptasi umum Selye	17

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Kebenaran Menjalankan Soal Selidik	69
B	Borang Soal Selidik	70

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Profesion perguruan merupakan satu profesion yang amat penting dalam masyarakat. Profesion ini juga merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sangat mencabar. Ini kerana guru dianggap pemberi kesan yang besar terhadap perkembangan kognitif (mental), afektif (sikap), kebolehan serta kemahiran fizikal dan sosial para pelajar. Pada zaman dulu, guru merupakan pengganti kepada orang tua yang mana kadang kala dihormati melebihi hormat seorang anak kepada orang tuanya (Ibrahim Ahmad Bajunid, 1995).

Oleh yang demikian, seseorang individu yang berhasrat untuk menjadi guru hendaklah bersedia dari segi mental dan fizikal serta terdiri dari mereka yang terbaik dalam masyarakat. Selain itu, individu tersebut juga hendaklah berusaha menjadi seorang pendidik dan pembimbing kepada para pelajar supaya mereka berupaya menghasilkan masyarakat yang seimbang seperti mana yang telah termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

Bertitik tolak daripada FPN ini juga, adalah menjadi harapan bahawa individu yang terhasil dari sistem pendidikan negara ini nanti berupaya meneruskan warisan dan usaha masyarakat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 nanti. Mereka juga diharap agar mampu bersaing mengikut peredaran zaman

bagi kata pepatah 'berdiri sama tinggi, duduk sama rendah' jika dibandingkan dengan masyarakat luar.

Sesuai dengan peredaran zaman, tugas dan tanggungjawab seorang guru juga semakin bertambah, kalau dulu tugas seorang guru hanya terhadap kepada mengajar, mendidik dan membimbing sahaja, kini selain daripada tugas hakiki tersebut, para guru juga mempunyai peranan yang paling besar iaitu terlibat dalam mengawal keseimbangan moral pelajar-pelajar. Mereka juga terlibat dalam mengawasi disiplin pelajar agar pelajar tidak leka dan hanyut dalam arus pemodenan dan pembangunan. Guru pada hari ini juga turut berhadapan dengan pelbagai kerenah pelajar dan selain itu terpaksa melaksanakan tugas lain yang sudah menjadi rutin pekerjaan mereka. Contohnya para guru terpaksa membuat persediaan mengajar, menyemak kerja bertulis pelajar, membuat kerja-kerja klarikal, menaip soalan ujian dan peperiksaan, menyelia aktiviti kurikulum dan kokurikulum, menghadiri mesyuarat, kursus, seminar atau bengkel, menyelesaikan masalah disiplin pelajar, mengurus hal ehwal kebajikan pelajar dan pelbagai lagi tugas yang lain.

Berdasarkan kepada pernyataan di atas, jelaslah kepada kita bahawa guru mempunyai tugas harian, mingguan dan tahunan yang penuh mencabar dan profesion perguruan ini sebenarnya adalah sukar dan melelahkan (Faridah Karim, Zubaidah Aman, 1998).

1.1 Latar Belakang Masalah

Terdapat pelbagai tanggapan dan dakwaan berhubung dengan kerjaya guru dewasa ini. Sesetengah ahli masyarakat mempunyai tanggapan bahawa kerja, beban dan tugas guru sekarang tidak mewujudkan kerjaya guru yang menarik. Malah tidak dapat dinafikan ada yang melihat sekolah sebagai sebuah organisasi yang dihujani dengan pelbagai bebanan tugas dan adakalanya tugas ini bukan sesuatu yang dirancang tetapi

muncul dari situasi yang tidak diduga (Abdul Shukor, 1996). Jika keadaan demikian dibiarkan berterusan sudah pasti suasana pengajaran dan pembelajaran di sekolah kini akan menuju ke arah satu keadaan yang tidak terurus dan menghadapi kegagalan untuk mencapai matlamat yang diidamkan.

Fenomena guru mengambil keputusan bersara awal sering dikaitkan dengan perubahan kurikulum baru dalam sistem pendidikan di Malaysia. Perubahan ini dikatakan menyebabkan senarai tugas guru semakin panjang dan harapan masyarakat kepada guru semakin tinggi, sedangkan keadaan lain tidak banyak berubah (Amla Mohd Salleh, 1994). Guru sendiri dan persekitaran proses pembelajaran itu tidak disediakan dengan sempurna bagi menghadapi perubahan. Dengan itu, guru berasa amat kecewa kerana tidak mampu menangani tugas dan harapan yang sentiasa berubah.

Individu tidak mungkin dapat berfungsi dengan berkesan jika ia berada dalam keadaan tertekan (Smith, Girdano *et al*, 1993). Perasaan tertekan menjadikan seseorang itu tidak rasional, cemas, tegang, tidak dapat memusatkan perhatian kepada kerja dan gagal menikmati rasa gembira atau puas hati terhadap kerja yang dilakukan. Hal-hal ini akan menghalang seseorang mewujudkan sifat positifnya, apalagi sifat kasih sayang. Terdapat kajian-kajian (Farber, B.A & Miller, J 1981), membuktikan sesetengah guru memang mengalami perasaan tertekan, sikap berang, murung, mengambil keputusan atau memikirkan untuk berhenti atau bersara sebelum tempoh persaraan mereka kerana dikatakan tertekan.

Menurut Cox dan Brockley dalam Faridah dan Zubaidah (1998), ramai guru pada masa kini mengalami tekanan yang lebih serius jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka yang terdahulu. Malahan mengajar itu sendiri disifatkan sebagai pekerjaan yang sering terdedah kepada tahap tekanan yang tinggi dan tekanan berhubung dengan kerja (*work-related-stress*) dilaporkan sebagai merangkumi lebih dari separuh daripada pelbagai tekanan yang dihadapi oleh guru. Tambahan pula, guru sering melaporkan

tahap tekanan yang mereka alami lebih tinggi jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka di dalam profesion yang lain.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam suasana kerancakan memperkenalkan dan melaksanakan reformasi pendidikan, kini sangat sedikit yang dilakukan untuk meneliti dan memeriksa sama ada perubahan-perubahan yang dilakukan itu ada kena mengena dengan corak tingkah laku dan sikap guru-guru terhadap perubahan tersebut. Kesan-kesan perubahan ini terhadap para guru merupakan andaian semata-mata. Supaya andaian tidak tinggal terus sebagai andaian, kajian-kajian empirikal perlulah dilakukan terhadap fenomena ini. Di samping itu sesuai dengan dekad ini yang dianggap sebagai dekad meningkatkan kecemerlangan dalam pendidikan, apatah lagi sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menghasilkan guru yang bertaraf dunia, maka hal-hal yang seumpama inilah yang perlu dibongkar dan disingkap.

Bukti-bukti awal diperlukan untuk mengetahui apa sebenarnya yang menyebabkan terdapat segolongan guru yang mengucapkan selamat tinggal kepada profesion perguruan dan menceburkan diri dalam profesion lain. Oleh itu pengkaji ingin mengkaji 'tekanan (*stress*) dan *burnout* di kalangan pensyarah politeknik'.

1.3 Soalan Kajian

- i) Apakah faktor utama yang menyebabkan berlakunya tekanan (*stress*) di kalangan pensyarah politeknik?
- ii) Bagaimanakah penerimaan para pensyarah terhadap tekanan (*stress*)? (positif, cth; motivasi, negatif, cth; kelesuan)

- iii) Apakah tugas dan tanggungjawab yang menyebabkan berlakunya tekanan (*stress*) dan *burnout* di kalangan pensyarah ? (adakah mengajar, mengendalikan penyelidikan, tugas-tugas mentadbir)
- iv) Apakah tingkahlaku/tindakbalas pensyarah terhadap masalah tekanan (*stress*) dan *burnout*?
- v) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tekanan (*stress*) dan *burnout* di kalangan pensyarah mengikut jabatan dan lokasi politeknik?

1.4 Objektif /Tujuan Penyelidikan

Tujuan pengkaji melakukan kajian ini adalah kerana beberapa sebab dan tujuan :

- i. Faktor utama yang menyumbang kepada masalah tekanan (*stress*) dan *burnout* di kalangan pensyarah politeknik.
- ii. Penerimaan pensyarah terhadap tekanan (*stress*).
- iii. Tugas yang menyebabkan berlakunya tekanan (*stress*).
- iv. Tingkahlaku/tindakbalas pensyarah terhadap tekanan (*stress*) dan *burnout*.
- v. Perbezaan yang signifikan terhadap tekanan (*stress*) dan *burnout* di kalangan pensyarah mengikut jabatan dan lokasi politeknik.

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada tujuan kajian , satu hipotesis nol telah dibentuk iaitu:

Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tekanan (*stress*) dan *burnout* di kalangan pensyarah politeknik mengikut jabatan dan lokasi politeknik

Ha : Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tekanan (*stress*) dan *burnout* di kalangan pensyarah politeknik mengikut jabatan dan lokasi politeknik.

1.6 Kepentingan Kajian

Pengkaji berharap agar hasil daripada kajian yang akan dilakukan nanti boleh dijadikan panduan dan rujukan sekiranya perlu oleh pihak-pihak berkenaan, khususnya pentadbir dan pengurus politeknik, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Teknik dan pihak-pihak lain tentang tekanan (*stress*) serta *burnout* di kalangan pensyarah politeknik. Setelah mengetahui masalah ini adalah diharapkan agar pihak terbabit dapat merangka dan mengatur strategi bagi menghadapi masalah ini dan langkah mengatasinya.

1.7 Skop Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji telah memilih dua politeknik untuk dijadikan sampel iaitu Politeknik Johor Bahru (PJB) dan Politeknik Shah Alam (PSA). Rasional penulis memilih dua politeknik ini kerana ia boleh mewakili semua Politeknik yang terdapat di Malaysia disebabkan kedua-duanya mempunyai ciri-ciri yang sama dengan seluruh politeknik yang terdapat di Malaysia. Penulis juga memilih lokasi yang berbeza iaitu sebuah politeknik berdekatan dengan bandaraya dan satu lagi berjauhan dengan bandaraya kerana pengkaji ingin mengkaji sama ada terdapat perbezaan yang

signifikan antara tahap tekanan (*stress*) dan *burnout* di kalangan guru/pensyarah berdasarkan jabatan dan lokasi politeknik tersebut.

1.8 Definisi Istilah

Terdapat tiga definisi istilah yang digunakan secara meluas dalam kajian ini. Pengkaji mendefinisikan secara operasinya istilah-istilah yang akan digunakan seperti berikut :

i) Tekanan (*stress*)

Overland (2000) menggunakan perkataan *tension*, kecewa, dan *depression* apabila berbicara tentang tekanan (*stress*) di kalangan guru. Di samping itu Overland juga menyatakan bahawa sesetengah orang tidak menganggap tekanan (*stress*) itu sebagai sesuatu yang tidak baik. Beliau juga menyatakan bahawa mungkin sesetengah orang beranggapan bahawa tekanan adalah merupakan sesuatu yang normal. Dalam kajian ini tekanan (*stress*) merujuk kepada ketegangan emosi yang dialami oleh pensyarah politeknik.

ii) *Burnout*

Pengkaji akan menyenaraikan beberapa definisi yang biasa digunakan untuk mentakrifkan istilah *burnout*.

- a. Cardinell (1981) menyatakan *burnout* sebagai “tahap pertengahan dalam keadaan kerja yang semakin buruk” dan ia adalah akibat tekanan yang tinggi secara berterusan .
- b. Henry R.Kovach (1997) pula menyatakan *burnout* ialah satu sindrom yang progresif yang terjadi akibat daripada permintaan yang berterusan untuk berjaya.